

07 DEC 1998

TAKRAW: PASUKAN TEMOYONG LANGKAWI JUARAI

LANGKAWI, 7 Dis (Bernama) -- Pasukan Temoyong `D' Langkawi menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Perilly's Langkawi 1998 merebut Piala Lagenda yang diadakan di kawasan terbuka berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi Padang Matsirat di sini hari ini.

Pasukan itu menewaskan Temoyong `A' 15-13 dan 15-6 untuk menggondol hadiah wang tunai RM750 manakala naib johan RM500.

Kejohanan itu diadakan sebagai sebahagian acara sempena Karnival Udara Langkawi (LAC 1998) yang berakhir hari ini anjuran Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Redcreative Sdn Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan LAC 1998 pada Sabtu lepas.

Sebanyak 20 regu dari Pulau Pinang, Perlis dan Kedah menyertai kejohanan tiga hari itu.

-- BERNAMA

ZI NMO